

aab

Australia - Bantahan '''

PEMUDA UMNO HANTAR NOTA BANTAHAN KEPADA KERAJAAN AUSTRALIA

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO membantah keras ungkapan Perdana Menteri Australia Paul Keating yang menghina Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mendesak kerajaan negara itu memohon maaf.

Pergerakan itu hari ini menghantar surat bantahan kepada kerajaan Australia melalui pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia di sini menuntut maaf dan pernyataan kekesalan daripada Keating, penjelasan mengapa peristiwa itu berlaku dan jaminan bahawa ia tidak berulang.

Keating telah dilaporkan menuduh Dr Mahathir "keras kepala" kerana tidak menghadiri pertemuan tidak rasmi ketua-ketua kerajaan negara anggota APEC (Asia-Pacific Economic Cooperation) di Seattle yang berakhir minggu lepas. Media Australia pula telah memaki dan mencerca Dr Mahathir dengan pelbagai panggilan.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Nazri Abdul Aziz Yeop pada persidangan akhbar di pejabatnya di sini berkata surat bantahan itu dialamatkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Australia di sini, Encik John Dauth dan dihantar dengan tangan.

"Kami memberi tempoh seminggu kepada kerajaan Australia untuk memberikan jawapan dan jika mereka gagal berbuat demikian kami akan menuntut kerajaan negara ini melakukan tiga perkara sebagai tindak balas" kata beliau. -- Lagi.

▼24/11/17-38MST

U GB 24-11 00164 BA123

aah

Australia - Bantahan 2 Kuala Lumpur '''

Katanya tiga perkara itu ialah menurunkan tingkat hubungan dengan Australia, melaksanakan dasar "Buy Australia Last" (Australia pilihan terakhir) dan mendesak jabatan-jabatan kerajaan memutuskan apa-apa hubungan yang ada dengan negara itu.

Antara kandungan surat itu ialah tanggapan pergerakan Pemuda bahawa oleh kerana Keating dipilih oleh rakyat Australia, maka sepanjang tempoh beliau menjadi Perdana Menteri ungkapan dan tindakan beliau dianggap sebagai tindakan Australia.

Begitu juga dengan Dr Mahathir yang dipilih oleh rakyat Malaysia, maka segala cacian dan penghinaan terhadap beliau merupakan cacian dan penghinaan kepada Malaysia, kata Nazri lagi.

"Ia adalah kenyataan kurang ajar daripada seorang pemimpin yang tidak mendapat didikan yang baik dan ia adalah satu perbuatan asing kepada kita orang Asia," kata beliau.

Nazri berkata Dr Mahathir telah bertindak dengan matang dalam mengulas kenyataan Keating itu sesuai dengan kedudukan beliau sebagai seorang pemimpin besar, dan tidak merendahkan kedudukannya untuk menjawab tuduhan itu. -- Lagi.

▼24/11/17-45MST

Australia - Bantahan 3 Kuala Lumpur '''

Katanya sebagai tindakan segera atas kedudukan beliau sebagai Pengerusi MARA, beliau telah meminta MARA menyemak semula program penghantaran pelajar tajaan MARA ke negara itu.

"Pada masa ini 230 pelajar tajaan MARA sedang membuat persiapan untuk melanjutkan pelajaran di negara itu dan perkara itu akan disemak semula untuk mencari alternatif lain," kata beliau.

Perkara itu telah dibincang dengan Ketua Pengarah MARA dan boleh dilakukan, Katanya sambil berharap jabatan-jabatan lain mengambil tindakan yang sama jika kerajaan Australia tidak menunaikan tuntutan itu.

Beliau berkata jika tindakan itu terpaksa dilakukan Pergerakan Pemuda akan mendesak Wisma Putra membuat satu bantahan diplomatik serta menemui kementerian-kementerian tertentu untuk membatalkan kontrak perdagangan yang sedang dirundingkan dengan negara itu.

Katanya Pergerakan itu juga akan melobi menteri-menteri kabinet supaya membawa perkara itu ke dalam mesyuarat kabinet.

Sementara itu Biro Penerangan Pusat MCA juga menyatakan rasa kesal dengan sikap Keating itu. -- Lagi.

▼24/11/17-46MST

Australia - Bantahan 4 Kuala Lumpur '''

Dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini Biro itu berkata Malaysia sebagai negara yang berdaulat dan berwibawa tidak perlu mengikut kehendak Australia dalam apa jua urusan atau dasarnya.

Biro itu berharap Australia yang ingin menjadi negara Asia menunjukkan sifat-sifat dan nilai-nilai Asia dan menghormati kedaulatan negara lain.

Katanya Keating sepatutnya memikul tanggungjawab mengeratkan hubungan kedua-dua negara yang pernah renggang suatu ketika dahulu dan bukan bertindak sebaliknya.

Majlis Belia Malaysia (MBM) juga menyatakan rasa kesal dengan sikap Australia yang sengaja membesar-besarkan isu ketidakhadiran Dr Mahathir di Seattle minggu lepas.

Timbalan Presiden MBM, Abdul Rahman Palil dalam kenyataan hari ini berkata MBM merasa bangga dengan perjuangan Dr Mahathir untuk menubuhkan EAEC dan telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan ekoran kenyataan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton yang tidak menentang penubuhan EABC. -- Lagi.

▼24/11/17-50MST

CNS9681

U GB 24-11 00125 BA126

aab

Australia - Bantahan 5 (Akhir) Kuala Lumpur '''

Presiden Persatuan Pekebun Kecil Malaysia, Datuk Ahmad Arshad dalam kenyataan hari ini berkata Malaysia perlu bersikap tegas dalam memelihara kedaulatan negara agar ia tidak direndah-rendahkan oleh negara lain.

Katanya Malaysia perlu menuntut kerajaan Australia meminta maaf atas sikap keterlaluan Perdana Menteri negara itu "kerana kesabaran kita juga ada batasannya."

Sementara itu di KUANTAN, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO menyifatkan kenyataan Keating sebagai "tindakan yang paling tidak diplomatik".

"Kepentingan Australia sepatutnya di dalam Asia dan pergantungan mereka kepada Eropah dan Amerika tidaklah begitu kuat seperti sebelumnya, baik dalam ekonomi atau bidang lain," kata beliau. -- Bernama

MS2 NMO

CNS9906

U GB 24-11 00142 BB612

aab

Australia - Bantahan 6 (Akhir) Kuala Lumpur (Samb berita hal26)

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Sosialis DAP mengkritik Australia kerana membesar-besarkan isu ketidakhadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle minggu lepas.

"Itu urusan negara kita...Perdana Menteri Australia Paul Keating tidak harus campur tangan dalam soal negara kita," kata ketua pergerakan itu Encik Lim Guan Eng.

"Itu hak Perdana Menteri (Dr Mahathir)," kata beliau kepada pemberita di lobi bangunan Parlimen di sini hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur, Datuk Moehamad Izat Emir berkata beliau kesal akan kenyataan Keating terhadap Dr Mahathir.

Beliau berkata dalam satu kenyataan di sini hari ini bahawa beliau percaya kenyataan Keating tidak mencerminkan pandangan rakyat Australia terhadap Dr Mahathir. -- Bernama

BS PAZ